

Kertas Cadangan Untuk Pertandingan Bakat Muda Sezaman 2023(Seni Di Lokasi).

oleh

MUHAMMAD IDRUS BIN MOHD RANI

PENGENALAN

Sebagai seorang pengkarya seni, saya sering berinteraksi dengan ruang dan bagaimana saya mahu meletakkan diri dan mencipta sesuatu yang berhubung dengan rekaan yang boleh berinteraksi dengan ruang tersebut. Menghasilkan karya di lokasi spesifik adalah cabaran kepada saya untuk menghasilkan bentukan yang saya perlu isi kan di ruang tersebut agar lebih bermakna.

Ruang hendaklah diamati bukan pada peringkat dua dimensi sahaja tetapi ia juga meliputi didalam, diluar, dan diantara kewujudan bentuk, rupa, corak garisan dan sekitarnya termasuk pemerhati, pengunjung serta komuniti persekitaran karya itu sendiri. Hal ini adalah kerana elemen seni didalam penghasilan karya di lokasi seperti garisan, ruang dan permukaan adalah satu realiti yang menghubungkan karya tersebut dengan persekitaran dan komuniti sekitar karya itu.

IDEA DAN KONSEP

- **Memperkenalkan karya seni kepada golongan kurang upaya(penglihatan) untuk berinteraksi, merasai pengalaman karya visual berdasarkan kemampuan dan kaedah sentuhan yang dimiliki oleh mereka.**

Dalam penghasilan karya untuk pertandingan BMS 2023(Seni di Lokasi), interaksi dan potensi serta impak karya seni terhadap ruang persekitaran dan komuniti merupakan idea dan objektif utama dan saya menggunakan karya 3 dimensi sebagai medium kepada saya untuk berinteraksi dengan ruang dan komuniti tersebut. Hal ini adalah kerana karya yang wujud didalam ruang secara automatiknya memberi bentuk serta makna kepada ruang tersebut. Ia juga memberi kesedaran terhadap perhubungan antara pemerhati, ruang dan bentuk melalui bahan dan kaedah yang digunakan untuk menghasilkan karya di ruang tersebut. Disamping itu, karya seni juga boleh berfungsi sebagai simbol kepada perhubungan, tempat dan masa, identiti disesebuah kawasan dan komuniti.

Sudah menjadi sebuah kebiasaan di ruang pameran, galeri dan muzium kesenian memberi amaran "**Jangan Sentuh**" atau "**Dilarang Sentuh**" berdekatan dengan karya yang dipamerkan. Walaupun ia merupakan arahan yang penting untuk memelihara keselamatan karya yang dipamerkan, ia juga seolah menafikan hak kepada mereka yang mempunyai cacat penglihatan untuk melihat dan merasai pengalaman visual bagi karya tersebut.

Oleh itu, dalam penghasilan karya yang bertajuk **“Seeing Without Seeing”** ini, saya menggunakan kaedah **“Braille”** sebagai subjek yang akan diolah menjadi satu karya. **“Braille”** merupakan satu kaedah yang digunakan sebagai alat ekspresi atau bahan pengantara yang penting bagi mereka yang cacat penglihatan untuk membaca dan sebagainya. Ia adalah titik timbulan yang mewakili setiap huruf dan perlu disentuh oleh mereka yang mempunyai cacat penglihatan untuk membaca dan sebagainya. Kaedah sentuhan ini telah membantu berjuta-juta orang yang mempunyai cacat penglihatan membaca dan menulis sejak perkembangannya pada abad ke-19.

Tetapi bagaimana pula dengan karya seni? Bagaimana mereka yang cacat penglihatan untuk melihat dan merasai pengalaman sebuah karya seni? Dan bagaimana kita sebagai pengkarya untuk berinteraksi dengan mereka agar mereka dapat merasai dan menghargai karya seni yang kita hasilkan.

Oleh itu, saya menggunakan subjek **“Braille”** yang disampaikan dengan menggunakan kaedah typografi dan diangkat menjadi sebuah karya. Hal adalah kerana typografi amat dekat dengan masyarakat dan komuniti kita. Hampir kesemua persekitaran kita mempunyai elemen typografi seperti papan tanda, buku, iklan, dan lain-lain. Mungkin karya yang akan dihasilkan dengan menggunakan subjek **“Braille”** ini boleh ditafsir sebagai pengenalan kepada karya ini, atau boleh dijadikan sebagai pengenalan untuk menceritakan biografi komuniti/masyarakat setempat bergantung kepada bagaimana kita atau komuniti persekitaran bertindak balas terhadap karya ini. Ia juga digunakan sebagai kajian untuk melihat tindak balas persekitaran terhadap bentuk dan binaan karya ini sendiri sama ada berjaya atau tidak untuk menyampaikan idea dan kajian yang hendak atau akan dilakukan. Segala aktiviti dan proses ini kemungkinan akan direkod dan menjadi sebahagian daripada kajian seni di lokasi untuk karya ini.

GAMBARAN PROJEK

Untuk merealisasikan idea dan kajian ini, antara perkara yang akan atau boleh dilakukan ialah:

- 1- Menghasilkan karya dengan menggunakan kaedah **“Braille”**.
- 2- Mengambil sedikit masa atau beberapa hari untuk membuat temuduga secara rawak(lisan/bertulis) atau memberi soalan berupa ‘questionnaire’ yang ringkas kepada komuniti atau sesiapa sahaja bermula di peringkat permulaan hingga yang berada di persekitaran karya berkenaan pemahaman, pengetahuan, pengalaman atau apa sahaja yang berkaitan dengan tindak balas mereka berkaitan dengan karya yang dihasilkan. Keutamaan diberikan kepada mereka yang cacat penglihatan.

BENTUKAN DAN TEKNIKAL

Karya yang dihasilkan menggunakan kaedah karya 3 dimensi yang digantung di dinding atau dipamerkan secara “free standing” di lantai. Rekaan karya ini juga disampaikan dengan pengayaan konstruktivisim dan minimalism dimana penggunaan nilai formalistik iaitu elemen seni dan prinsip asas rekaan adalah sebagai tunjang utama. Inspirasi dan idea ini juga datangnya daripada rekaan bentuk dan susur atur bentukkan “Braille” itu sendiri. Bentuk visual bagi pengunjung yang mempunyai cacat penglihatan adalah subektif bergantung kepada keupayaan imajinasi hasil daripada sentuhan mereka terhadap karya ini.

KESIMPULAN

Interaksi, bentuk dan ruang serta elemen dan prinsip asas rekaan dalam karya ini dan sekelilingnya ini melahirkan kepelbagaian interpretasi dan maknanya yang tersendiri yang boleh dijadikan sebagai kayu pengukur dan menguji pemahaman kepada saya dalam proses menghasilkan karya dan persekitaran komuniti terhadap karya seni ini.

LOKASI

Untuk mempamerkan karya ini, lokasi pilihan pertama saya ialah di Malaysia Blind Associate. Lokasi tersebut dipilih adalah kerana komuniti dan elemen yang terdapat disekelilingnya mampu memberi impak yang bermakna kepada karya yang akan dihasilkan. Namun begitu, saya juga mempunyai lokasi lain untuk diijadikan sebagai “**backup plan**” jika terdapat permasalahan di lokasi pilihan pertama ini.